

# Perjuangan baru

dahan akan ditambah untuk meramaikan anak Melayu menguasai sains – menguasai teknologi supaya sumber bekalan tenaga profesional Melayu terus terjamin.

“Kerajaan akan sediakan peruntukan yang mencukupi bagi mencapai matlamat tersebut,” katanya di hadapan 2,533 perwakilan terdiri daripada Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO.

Ini merupakan tahun kedua Abdullah berucap di perhimpunan agung UMNO ini dan yang pertama sebagai Presiden sepenuhnya.

Dalam ucapan hari ini, Abdullah menyentuh beberapa bab kecil bermula dengan Mukadimah, Senario Semasa, Hubungan Antarabangsa, Islam, Ekonomi, Agenda Melayu, UMNO dan Penutup.

Antara butiran penting yang ditekankan beliau di bawah tajuk Agenda Melayu itu adalah:

- Pendidikan dan latihan berasaskan pengetahuan teknologi terkini perlu diperkukuhkan dan akan menjadi teras utama agenda pembangunan Melayu.
- Orang Melayu harus bijak mempelbagaikan pengetahuan, kemahiran, produk dan perkhidmatan.
- Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera perlu menjadi satu tenaga penggerak – satu kuasa pemangkin, menjayakan Melayu dalam bidang urus niaga.
- Tanah wakaf, tanah adat, tanah rezab Melayu, tanah pusaka, tanah pertanian tidak harus terbiar; malah perlu dimajukan, dirancang pembangunan yang dapat memberi nilai dan pulang ekonomi tinggi.
- Orang Melayu perlu mencari sumber kekayaan baru, terutamanya dalam sektor-sektor yang orang Melayu telah lama bertapak dan mempunyai kelebihan.

Menyentuh mengenai sikap buruk orang Melayu dalam perniagaan, Abdullah berkata bahawa ketidakcapaian sasaran DEB bukan kerana kesilapan dasar itu, tetapi disebabkan berlaku ketirisan di peringkat pelaksanaan.

“Ini kerana perbuatan pihak-pihak yang lebih mementingkan keuntungan jangka pendek (*rent-seeking*). Peluang yang diberi disalahgunakan.

“Setelah itu mereka meminta peluang baru, kali kedua, kali ketiga, kali keempat dan seterusnya; hingga akhirnya lahir satu angkatan Melayu yang menjadi peranan orang tengah sebagai profesion.”

Abdullah turut menyentuh sikap buruk orang Melayu berpolitik dengan menyentuh mengenai rasuah politik yang berlaku dalam UMNO.

Beliau turut berazam mahu menghapuskan rasuah politik di dalam parti itu.